



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2009**

**GARISPANDUAN TATACARA PENDAFTARAN
PENGGUNAAN GERGAJI BERANTAI DALAM KAWASAN LESEN
PENGUSAHASILAN HUTAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan tatacara pendaftaran penggunaan gergaji berantai di dalam kawasan lesen pengusahahsilan hutan bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.

LATARBELAKANG

2. Pada lazimnya, aktiviti penebangan pokok sama ada di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan (TK) dan Tanah Berimilik (TM) adalah dengan menggunakan gergaji berantai yang berbagai jenama dan saiz mengikut kesesuaian penggunaan. Gergaji berantai ini merupakan alat yang paling sesuai untuk aktiviti penebangan pokok kerana ianya mudah alih, pelbagai saiz, ringan dan mampu menebang pokok dalam tempoh yang singkat. Selain daripada itu, gergaji berantai juga boleh digunakan untuk memproses atau menukar bentuk kayu bulat.

Alat ini mudah diperolehi di pasaran dan boleh membuka ruang untuk disalahgunakan dalam aktiviti penebangan pokok secara haram sekiranya tiada kawalan ke atas penggunaannya.

3. Pada masa ini, Jabatan Perhutanan Negeri hanya mengawal bilangan penebang yang menjalankan aktiviti penebangan di dalam kawasan lesen pengusahasilan melalui pengeluaran sub-lesen. Walau bagaimanapun, tiada pendaftaran ke atas mesin gergaji berantai yang digunakan oleh penebang bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, pendaftaran jentera di bawah Sub -kaedah 25(1), Kaedah-kaedah Hutan 1986 perlu diperluaskan dengan merangkumi juga pendaftaran gergaji berantai bagi mengawal penebangan pokok secara haram.
4. Menyedari akan hakikat tersebut, Majlis Perhutanan Negara Ke-21 yang bersidang pada 18 September 2007 telah menetapkan supaya Jabatan Perhutanan melaksanakan pendaftaran pemilikan dan penggunaan gergaji berantai dalam kerja-kerja pengusahasilan di dalam HSK sebagai salah satu langkah untuk memantapkan aktiviti penguatkuasaan hutan dalam usaha membanteras pembalakan haram.

TATACARA PENDAFTARAN PENGGUNAAN GERGAJI BERANTAI DALAM KAWASAN LESEN PENGUSAHASILAN HUTAN

5. Semua gergaji berantai yang digunakan untuk kerja-kerja pengusahasilan hutan dalam semua kawasan lesen hendaklah didaftarkan. Bagi penggunaan gergaji berantai di dalam kawasan lesen HSK, bilangan gergaji berantai yang boleh didaftarkan adalah berdasarkan

bilangan yang dicadangkan dalam Rancangan Mengusahasil Hutan (RMH) bagi sesuatu kawasan lesen.

6. Tatacara pendaftaran penggunaan gergaji berantai dalam kawasan lesen adalah seperti Carta Aliran di Lampiran 1.

7. Permohonan pendaftaran gergaji berantai hendaklah dibuat menggunakan format Borang Pendaftaran Gergaji Berantai Dalam Kawasan Lesen Pengusahasilan Hutan seperti di Lampiran 2 dan Format Buku Pendaftaran Penggunaan Gergaji Berantai seperti di Lampiran 3.

TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 2009 bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SAYANGI HUTAN"

(DATO' SERI AZAHAR BIN MUDA)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

CARTA ALIRAN PROSES PENDAFTARAN PENGGUNAAN GERGAJI BERANTAI DALAM KAWASAN LESEN



**BORANG PENDAFTARAN PENGGUNAAN GERGAJI BERANTAI DALAM
KAWASAN LESEN PENGUSAHASILAN HUTAN**

A) No. Lesen :

Nama Pemegang Lesen :

No. Pendaftaran Pembalak :

Alamat :

.....

B) Nama Kontraktor / Syarikat :

No. Pendaftaran Kontraktor :

No Kad Pengenalan :

Alamat :

.....

No Telefon :

Tandatangan :

Tarikh :

C) Bilangan Gergaji Berantai yang dipohon untuk didaftarkan unit.

D) ULASAN PHD

.....
.....

Diluluskan / Ditolak

Tandatangan :

Nama dan Jawatan :

Tarikh :

Maklumat terperinci mengenai Gergaji Berantai adalah seperti di Lampiran 2A berkembar.

Nota : Tempoh kuatkuasa Pendaftaran Gergaji Berantai adalah sama seperti tempoh kuatkuasa lesen.

Maklumat Mengenai Gergaji Berantai

No. Lesen :

Butir-butir Gergaji Berantai Dan Pengendali	
1.	Jenama
2.	Model
3.	Kuasa
4.	Nombor Siri Enjin
5.	Alat-alat Tambahan (Jika ada)
6.	(a) Nama Pengendali
	(b) No. Kad Pengenalan
	(c) Tandatangan Pengendali

Butir-butir Gergaji Berantai Dan Pengendali	
1.	Jenama
2.	Model
3.	Kuasa
4.	Nombor Siri Enjin
5.	Alat-alat Tambahan (Jika ada)
6.	(a) Nama Pengendali
	(b) No. Kad Pengenalan
	(c) Tandatangan Pengendali

Butir-butir Gergaji Berantai Dan Pengendali	
1.	Jenama
2.	Model
3.	Kuasa
4.	Nombor Siri Enjin
5.	Alat-alat Tambahan (Jika ada)
6.	(a) Nama Pengendali
	(b) No. Kad Pengenalan
	(c) Tandatangan Pengendali

Lampiran 3

FORMAT BUKU PENDAFTARAN PENGGUNAAN GERGAGI BERANTAI